

Jumaat, 31 Januari 2020 | 12:40pm



Datuk Muez Abd Aziz (kanan) dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan yang baru.

KSU baharu Kementerian Pertahanan dan KPDNHEP

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali hari ini mengumumkan pelantikan dua Ketua Setiausaha (KSU) baharu bagi dua kementerian masing-masing berkuat kuasa 1 Februari.


Mohd Zuki dalam kenyataannya hari ini berkata, Datuk Muez Abd Aziz dilantik sebagai KSU Kementerian Pertahanan menggantikan beliau (Mohd Zuki) yang memegang jawatan itu sebelum ini.

Sementara itu, jawatan Muez sebelum ini sebagai KSU Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diisi Datuk Hasnol Zam Zam Ahmad.

Muez yang berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat telah berkhidmat 25 tahun dalam perkhidmatan awam manakala Hasnol Zam Zam memegang Ijazah Sarjana Perancangan Bandar dari Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat berpengalaman luas selama 28 tahun dalam perkhidmatan awam.

"Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki Datuk Muez mampu menggalas amanah mendokong misi Kementerian Pertahanan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara," katanya.

Menurut Mohd Zuki pelantikan Hasnol Zam Zam pula mampu merealisasikan hasrat kementerian perdagangan dalam negeri menjadi "Caring Ministry" yang memfokuskan perdagangan domestik sebagai tunjang ekonomi berpendapatan tinggi negara," katanya.



PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan YBhg. Datuk Muez bin Abd Aziz sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia berkuatkuasa pada **1 Februari 2020**.

YBhg. Datuk Muez bin Abd Aziz, 58 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Vanderbilt, Amerika Syarikat. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 25 tahun sejak mula menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 25 Januari 1995.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan dan perkhidmatan awam serta pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Pertanian Industri Asas Tani.

Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki oleh YBhg. Datuk Muez bin Abd Aziz mampu menggalas amanah mendokong misi dan visi Kementerian Pertahanan Malaysia dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Negara senantiasa terpelihara melalui peningkatan kesiapsiagaan dan keupayaan pertahanan.

MOHD ZUKI BIN ALI
31 Januari 2020
6 Jamadil Akhir 1441